

UniMAP dan B. Braun Medical Industries Jalin Kerjasama Lahirkan Modal Insan Dalam Bidang Penjagaan Kesihatan

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan B Braun Medical Industries (B Braun) masing-masing telah dilantik sebagai Universiti Peneraju dan Syarikat Tunggak bagi Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE), Kluster Penjagaan Kesihatan di bawah program bersepadu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Diperkenalkan pada Julai 2013, ICoE Kluster Penjagaan Kesihatan yang merupakan salah satu dari 12 agenda utama Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA), dibangunkan oleh KPM dengan kerjasama dari UniMAP dan B Braun.

Selain dari agenda penyelidikan dan pembangunan serta perkongsian teknologi di antara Institusi Pengajian Tinggi Negara dan pihak industri, kewujudan kluster tersebut adalah bagi memperkukuhkan kebolehpasaran graduan serta memenuhi keperluan guna tenaga profesional dan mahir demi pembangunan negara di masa hadapan. Program ini bertujuan untuk melatih dan melahirkan modal insan dari seluruh IPT negara, antaranya graduan dari Kolej Komuniti, Politeknik, IPT Awam dan Swasta bagi mengisi jawatan-jawatan yang pelbagai (di industri berkaitan) bermula dari peringkat juruteknik hinggalah ke peringkat pengurusan yang mana proses penindikan bakal-bakal graduan ini bermula semasa mereka di tahun pertama pengajian lagi. Semua mahasiswa yang terpilih akan melakukan latihan industri di B.Braun selama 48 minggu untuk didedahkan dengan pengetahuan dan pengalaman berkaitan bidang penjagaan kesihatan.

Majlis Pelancaran Pusat Kecemerlangan Industri 2013 disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan II, Tuan P. Kamalanathan, yang turut hadir oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP iaitu Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal.

Menurut Pengurus Besar Sumber Manusia B. Braun iaitu Puan Cynthia Ooi, pemilihan oleh KPM untuk menjadikan UniMAP dan B.Braun sebagai rakan strategik merupakan satu penghormatan besar untuk B Braun yang mana mereka komited untuk menjayakan misi dan visi kluster tersebut.

